

**Pembangkok akan bawa usul cabar penggantungan Kit Siang**  
**Malaysian Insider**  
**Oct 22, 2015**  
**Oleh Md Izwan**

Parti pembangkang akan membawa usul bagi mencabar keputusan speaker menggantung Ahli Parlimen Gelang Patah Lim Kit Siang selama 6 bulan hari ini.

Penggantungan tersebut tindakan luar biasa kerana Lim tidak diberi peluang untuk mempertahankan dirinya, sebaliknya speaker menggunakan Peraturan Mesyuarat 27(3) dan bukan 80(A) di mana suatu kes menghina dewan perlu dibawa ke Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan, kata ketua undang-undang DAP Gobind Singh Deo.

"Speaker merujuk kepada Aturan Mesyuarat 27 (3), di mana merujuk kepada prosedur usul itu diterima.

"Ia juga usul mewakili kerajaan, namun isu yang timbul ialah bagaimana usul tersebut terima, had masa dan lain-lain," kata Gobind pada sidang media sejurus Lim digantung selama 6 bulan daripada Dewan Rakyat.

Beliau menambah, ketetapan 100 berkata walaupun speaker mempunyai kuasa umum, namun beliau tidak boleh menggunakan kuasa itu jika tidak konsisten dengan peraturan mesyuarat.

"80 (A) sangat jelas. Sebagaimana kami sedar, apa yang berlaku hari ini jelas bertentangan peraturan mesyuarat.

"Bagi menyatakan pandangan kami, kami akan memfailkan usul. Jika kamu tidak mengikut 80(A), penggantungan tersebut adalah tidak teratur," katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Gombak Mohamed Azmin Ali menyifatkan kerajaan membuat pertuduhan yang tidak berasas sehingga menyaksikan Lim menerima padah berdepan penggantungan.

"Apa yang berlaku hari ini, kerajaan menggunakan Peraturan 2 dan bukan 80 (A).

"Di mana beliau (Kit Siang) berdepan pertuduhan yang tidak mempunyai asas. Malah beliau tidak diberikan peluang untuk mempertahankan dirinya sebagai ahli Parlimen yang mewakili rakyatnya," kata Azmin pada sidang media di lobi Parlimen.

Ahli Parlimen Kota Baru (PAS) Datuk Takiyuddin Hassan pula menyifatkan Lim tidak diberikan peluang untuk mempertahankan dirinya dan persoalan yang timbul adakah penggantungan itu adil.

"Gelang Patah tidak diberikan peluang untuk menjelaskan dirinya.

"Bagi kami, keadilan sejagat tidak dilindungi," kata Takiyuddin.

Sementara itu, Ketua Pembangkang Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata Lim menjadi mangsa terbaharu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) di mana seolah-olah syarikat bermasalah itu tidak boleh disentuh.

"Gelang Patah menjadi mangsa terbaharu dalam skandal 1MDB kerana hanya membangkitkan soalan, seolah ini isu yang tidak boleh disentuh.

"Beliau hanya bertanya mengenai hal tersebut kepada speaker mengapa biarkan PAC (Jawatankuasa Kira-Kira Negara) tidak berfungsi. Adakah itu salah?

"Ini sangat menyedihkan dan tidak boleh diterima," katanya. – 22 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pembangkang-akan-bawa-usul-cabar-penggantungan-kit-siang>